

PEMANTAUAN PENGURUSAN REKOD TAHUN 2024 – MRS HULU LANGAT

HULU LANGAT, 16 Mei – Seksyen Rekod Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) telah melaksanakan **Lawatan Khidmat Nasihat dan Pemantauan Pengurusan Rekod** di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Hulu Langat pada 16 Mei 2024. Lawatan ini bertujuan menambah baik pengurusan rekod, memastikan penyimpanan rekod kekal teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

Pemantauan yang diketuai oleh **En. Sofian bin Ibrahim** (Pegawai Rekod Jabatan) bersama **Puan Nuraziraakmar binti Othman** (Pembantu Tadbir Rekod Jabatan) mendapati beberapa aspek perlu diberi perhatian, antaranya:

- **Rekod Fail Urusan Am dan Fungsian** – Perlu dikemaskini dari segi kertas minit dan susun atur fail.
- **Rekod Penjilidan** – Sebanyak 136 folder kes Mal tahun 2000–2011 telah disediakan untuk penjilidan. Beberapa fail masih perlu diasingkan mengikut kategori perintah, alasan penghakiman dan catatan hakim.
- **Bilik Rekod** – Susunan fail tidak mengikut lokasi sesuai, label nombor fail tidak lengkap, pendingin hawa rosak, serta terdapat kebocoran siling yang berisiko merosakkan rekod.
- **Pelupusan Rekod** – Tahun 2023 mencatatkan 997 fail dilupuskan. Tahun 2024, 2,091 fail Mal telah dihantar untuk kebenaran pelupusan namun sebahagiannya telah dilupuskan sebelum kelulusan Arkib Negara Malaysia, yang bertentangan dengan Seksyen 25(1) Akta Arkib Negara 2003.

Cadangan Penambahbaikan yang dikemukakan termasuk penyediaan senarai pada kulit folder mengikut format, penyusunan fail di rak mengikut turutan yang betul, penggunaan silica gel sementara menunggu pembaikan pendingin hawa, dan memastikan pelupusan hanya dilakukan setelah mendapat kelulusan Arkib Negara Malaysia.



